NUM RUBBER & LATEX CO LTD A

lwn.

PREMIUM OPPORTUNITIES SDN BHD & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM B
ZALEHA YUSOF PK
[SAMAN PEMULA NO: MT4-24-891-2009]
28 OGOS 2009

KONTRAK: *Kemungkiran - Remedi - Pembelian susu getah dari pembekal dari Thailand - Kegagalan membayar - Sama ada defendan pertama memegang konsainen sebagai amanah sehingga bayaran dilangsaikan - Konsainen dijual kepada defendan kedua tanpa pengetahuan plaintif - Sama ada defendan kedua pemegang amanah konstruktif - Bidangkuasa - Sama ada transaksi berlaku di Thailand - Timbangtara - Kaedah de minimis* C D

Melalui satu perjanjian yang dimeterai dengan defendan pertama, plaintif, yang berpengkalan di Thailand, telah membekal satu konsainen 120 tan susu getah kepada defendan pertama dengan harga USD145,905.90. Atas arahan defendan pertama, plaintif telah menghantarserah konsainen melalui satu pengangkut bebas. Apapun, tanpa pengetahuan plaintif, defendan pertama telah menjual konsainen kepada defendan kedua dan sekaligus mengarahkan pengangkut bebas menghantar konsainen terus kepada defendan kedua. Defendan pertama gagal membayar harga konsainen antara lain atas alasan terdapat pengurangan berat sebanyak 102.5kg bernilai RM391.55 pada konsainen - dan berikutnya - plaintif memohon beberapa relif dan pengisytiharan terhadap defendan pertama, termasuk bahawa defendan pertama dan defendan kedua masing-masing memegang konsainen sebagai pemegang amanah dan pemegang amanah konstruktif plaintif. Di hadapan yang arif Pesuruhjaya Kehakiman, defendan pertama berhujah bahawa permohonan harus ditolak kerana: (i) mahkamah tidak berbidangkuasa mendengar kes kerana plaintif berpengkalan di Thailand dan transaksi berlaku di Thailand; (ii) konsainen susu getah sudah bercampur dengan stok defendan kedua menyebabkan deklarasi tidak mungkin dapat dilaksanakan sama ada terhadap defendan pertama mahupun defendan kedua; (iii) defendan kedua tidak boleh menjadi pemegang amanah konstruktif kerana tiada priviti kontrak di antara plaintif dan defendan kedua; dan (iv) halperkara yang berbangkit seharusnya dirujuk kepada timbangtara. E F G H I

Diputuskan (membenarkan permohonan):

(1) Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa di bawah s. 23(1)(b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk mendengar kes ini walaupun kontrak dikatakan dibuat dan disempurnakan di Thailand memandangkan defendan pertama ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dengan alamat perniagaannya juga di Malaysia. (perenggan 3)

(2) Soal jualbeli susu getah ini bukanlah satu kontrak yang biasa tetapi tertakluk kepada undang-undang spesifik, iaitu Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962 ('Akta'), yang mengikat pihak-pihak. Oleh itu, soal konsainan telah bercampur dengan stok lama defendan kedua tidak menjadi halangan untuk deklarasi yang dipohon, memandangkan peruntukan undang-undang yang jelas di dalam Trading Byelaws, Byelaw 7, Part A, perenggan (e)(i) dan (ii) yang dibuat di bawah Akta yang menyatakan bahawa walaupun penghantaran telah dibuat, konsainan tetap menjadi kepunyaan plaintif sehinggalah pembayaran dibuat, dan bahawa, jika konsainan itu telah dilupuskan, maka defendan pertama hendaklah memegang harga bayaran sebagai pemegang amanah bagi plaintif. (perenggan 4)

(3) Dalam kes ini, konsainan adalah harta amanah dan masih kekal kepunyaan plaintif selagi plaintif belum menerima pembayaran daripada defendan pertama. Defendan kedua pula telah dimaklumkan mengenai perkara ini oleh plaintif dan dengan itu telah menerima harta amanah dan mengetahui tentangnya. Oleh yang demikian, soal defendan kedua dan plaintif tidak mempunyai priviti kontrak bukanlah merupakan satu isu. Selagi harta itu ialah harta amanah dan defendan kedua mengetahui tentangnya, maka defendan kedua dianggap sebagai pemegang amanah konstruktif bagi pihak plaintif. (perenggan 5)

(4) Apa yang defendan pertama pertikaikan ialah kekurangan berat yang hanya bernilai RM391.55 sedangkan defendan kedua sedikit pun tidak mempertikaikannya. Oleh itu, menggunapakai "de minimis rule" ini bukanlah satu isu pertikaian yang substantive untuk dirujuk kepada timbangtara, walaupun timbangtara bagi kes sebegini memang diperuntukkan di dalam Byelaw 7, Part C, Trading Byelaws yang berkenaan. (perenggan 6)

Kes-kes yang dirujuk:
Boon & Cheah Steel Pipes Sdn Bhd v. Asia Insurance Co Ltd & Ors [1972] 1 LNS 14 HC ***(dirujuk)***
Lam Kok Trading Co (Pte) Ltd & Anor v. Yorkshire Switchgear & Engineering Co Ltd [1975] 1 LNS 78 HC ***(dibezakan)***
Margaronis Navigation Agency Ltd v. Henry W Peabody & Co of London Ltd [1965] 2 QD 430 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 23(1)(b)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Cheong May Fong, *Civil Remedies in Malaysia*, edisi 2007, ms 378 - 380

Bagi pihak plaintif - K Puspalingam; T/n Puspalingam, Kasmani & Partners (menyebut bagi pihak peguamcara defendant pertama T/n Oh Teik Keng & Partners)
Bagi pihak defendan kedua - Tara Singh; T/n DS Tiara & Co

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Zaleha Yusof PK:

Tuntutan plaintif

[1] Ini adalah saman pemula yang dibawa oleh plaintif untuk mendapatkan perintah-perintah antaranya seperti yang berikut:

(a) Deklarasi bahawa defendan pertama adalah pemegang amanah untuk plaintif dalam konsainan susu getah asli seberat 120 tan dan/atau dalam harga pembeliannya sejumlah USD 145,905.90 (RM510,667.50) yang telah ditetapkan melalui satu kontrak antara mereka.

(b) Deklarasi bahawa defendan kedua memegang konsainan itu atau harga yang dipersetujui antara defendan pertama dan defendan kedua (RM456,461.35) sebagai pemegang amanah konstruktif untuk plaintif.

(c) Deklarasi bahawa defendan pertama tidak berhak menuntut harga penjualan konsainan itu daripada defendan kedua.

(d) Perintah supaya sama ada defendan kedua menyerahkan konsainan itu kepada plaintif atau menyerahkan harga jualannya kepada plaintif.

A **Fakta Ringkas**

[2] Plaintif adalah pembekal susu getah mentah yang beroperasi di Trang, Thailand. Pada 17 February 2009 plaintif dan defendan pertama telah memasuki satu perjanjian untuk plaintif membekalkan sejumlah 120 tan metrik susu getah mentah kepada defendan pertama dengan harga USD 1220 satu tan metrik. Tanpa pengetahuan plaintif, defendan pertama sebelum itu iaitu pada 22 Januari 2009 telah memasuki satu perjanjian untuk menjual susu getah mentah kepada defendan kedua untuk jumlah 300,000 kg dengan harga RM3.82 sekilo. Atas arahan defendan pertama, plaintif telah menghantar serah konsainan susu getah itu kepada defendan pertama melalui satu pengangkut bebas. Tanpa pengetahuan plaintif juga, defendan pertama telah mengarahkan pengangkut bebas itu untuk menghantar terus konsainan itu ke kilang defendan kedua di Kota Bharu Kelantan.

[3] Defendan pertama telah gagal untuk membuat bayaran kepada plaintif, lalu plaintif membawa tuntutan ini.

Isu Dan Keputusan

E (1) Defendan kedua bersedia untuk membayar harga konsainan itu dan menyerahkan kepada mahkamah untuk memutuskan siapa antara plaintif dan defendan pertama yang berhak untuk bayaran berkenaan dan supaya kos tidak diperintahkan terhadapnya. Justeru, saya hanya perlu melihat sama ada defendan pertama bertanggungjawab untuk membuat bayaran sedemikian.

(2) Berpandukan kepada kertas-kertas kausa dan hujahan pihak-pihak, saya dapati defendan pertama sendiri tidak mempertikaikan harga kontrak dan tidak mempertikaikan fakta bahawa plaintif telah pun menyempurnakan kontrak itu. Apa yang dipertikaikannya ialah tentang berat susu getah asli itu yang menurut defendan pertama terdapat pengurangan sebanyak 102.5kg atau nilainya RM391.55 sahaja. Namun saya juga dapati bahawa defendan kedua, sebagai penerima konsainan berkenaan, tidak pula mempertikaikan berat susu getah yang telah dihantar kepadanya itu.

(3) Defendan pertama telah membangkitkan beberapa isu. Isu pertama yang telah dibangkitkannya ialah sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes ini memandangkan kontrak dan penerimaan konsainan berlaku di Thailand. Peguamcara defendan pertama telah merujuk kepada kes *Lam Kok Trading Co (Pte) Ltd & Anor v. Yorkshire Switchgear*

& Engineering Co Ltd [1975] 1 LNS 78 bagi menyokong hujahannya itu. Namun penelitian saya terhadap kes itu mendapati bahawa keputusan mahkamah tersebut adalah berdasarkan kepada fakta bahawa defendan dalam kes itu bukanlah penduduk Malaysia dan tidak mempunyai alamat perniagaannya di Malaysia. Sedangkan dalam kes di hadapan saya ini, adalah jelas bahawa defendan pertama adalah syarikat Malaysia dan mempunyai alamat perniagaannya di Malaysia. Seksyen 23(1)(b) Courts of Judicature Act 1964 dengan nyata menyebut antara lainnya seperti yang berikut:

> 23 (1) ... the High Court shall have jurisdiction to try all civil proceedings where:
>
> (a) .....
>
> (b) The defendant or one of several defendants resides or has his place of business ... .

Jadi jelaslah kes *Lam Kok Trading Co (Pte) Ltd & Anor* itu boleh dibezakan dengan kes di hadapan saya dan dengan demikian saya memutuskan bahawa mahkamah ini memang mempunyai bidang kuasa di bawah s. 23(1)(b) Courts of Judicature Act 1964 untuk mendengar kes ini walaupun kontrak dikatakan telah dibuat dan disempurnakan di Thailand memandangkan defendan pertama ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dengan alamat perniagaannya di Malaysia juga.

(4) Defendan pertama seterusnya membangkitkan isu bahawa susu getah yang telah dihantar kepada defendan kedua telah bercampur dengan stok sedia ada kepunyaan defendan kedua. Oleh itu defendan pertama menghujahkan bahawa adalah mustahil untuk perintah deklarasi yang dipohon oleh plaintif itu yang berkaitan dengan pemegang amanah dikuatkuasakan sama ada terhadap defendan pertama mahu pun defendan kedua. Berkenaan isu ini, sukalah saya merujuk kepada Trading Byelaws, Byelaw 7, Part A, perenggan (e) yang dibuat di bawah Malaysian Rubber Exchange (Incorporation) Act 1962 yang memperuntukkan seperti di bawah:

> (e) Every contract of whatsoever description, which is made so as to import or be subject to the Rules, Bye-laws and contract terms of the Corporation shall be deemed to import, or read as if it included and was subject to, the clauses following:
>
> (i) The property in any rubber belonging to a seller delivered by such seller to his immediate buyer shall, notwithstanding such delivery, remain in the seller, and shall not pass or be deemed

A to pass to the buyer until he has paid to his seller the full price payable for the rubber delivered and the seller's charges if any, for delivery;

(ii) As from the time of delivery of rubber belonging to a seller to his immediate buyer until payment therefor has been made B to the seller as aforesaid, the buyer shall hold the rubber delivered to him or if he has disposed, or disposes, thereof, the price he contracted to pay therefor, in trust for such seller free from any claim thereto or from any lien thereon except as provided in Clause (v).

C Peruntukan di atas dengan jelas menunjukkan bahawa selagi defendan pertama tidak menjelaskan pembayaran harga penuh RM510,667.50 itu kepada plaintif, maka mengikut perenggan (i), "the property in any rubber ... notwithstanding ... delivery ... shall not pass or be deemed to pass to the buyer (defendan D pertama) until he has paid to his seller (plaintif) the full price payable for the rubber delivered...". Manakala di bawah perenggan (ii) "... the buyer (defendan pertama) shall hold .... or if he has disposed, or disposes thereof, the price (RM510,667.50) he contracted to pay therefore, in trust for such seller (plaintif) free from any claim thereto ...". E

Nampaknya, soal jual beli susu getah ini bukanlah satu kontrak yang biasa tetapi tertakluk kepada undang-undang spesifik yang mengikat pihak-pihak. Jadi pada pandangan saya soal konsainan itu telah bercampur dengan stok lama defendan kedua tidak F boleh menjadi halangan untuk deklarasi sedemikian dibuat memandangkan peruntukan undang-undang yang jelas seperti yang disebut tadi iaitu, walaupun penghantaran telah dibuat, konsainan itu tetap menjadi kepunyaan plaintif sehinggalah pembayaran dibuat dan jika pula konsainan itu telah dilupuskan, G maka defendan pertama hendaklah memegang harga bayaran yang dijanjikan sebagai pemegang amanah bagi plaintif.

(5) Defendan pertama seterusnya membangkitkan isu sama ada plaintif boleh memohon deklarasi bahawa defendan kedua memegang konsainan itu sebagai pemegang amanah konstruktif H bagi pihak plaintif sedangkan tidak ada priviti kontrak di antara plaintif dengan defendan kedua. Di sini, saya bersetuju dengan hujah peguamcara plaintif yang telah merujuk kepada buku *Civil Remedies in Malaysia* oleh Cheong May Fong edisi 2007 ms. 378 - 380 yang menerangkan tentang dua keadaan di mana I pihak ketiga boleh dikenakan amanah konstruktif, salah satunya apabila dia menerima harta amanah dan beliau mengetahui

tentangnya. Dalam kes di hadapan saya ini seperti yang telah saya putuskan di atas, konsainan itu adalah harta amanah dan masih kekal kepunyaan plaintif selagi plaintif belum menerima bayaran daripada defendan pertama. Defendan kedua pula telah dimaklumkan tentang perkara ini oleh plaintif melalui surat di eks. ST-71. Justeru, saya menyimpulkan bahawa defendan kedua telah menerima harta amanah dan mengetahui tentangnya. Jadi, soal defendan kedua dan plaintif tidak mempunyai priviti kontrak, bukanlah pada pandangan saya satu isu dalam kes yang melibatkan harta amanah seperti kes ini. Selagi harta itu ialah harta amanah dan defendan kedua mengetahui tentangnya, defendan kedua bolehlah dianggap sebagai pemegang amanah konstruktif bagi pihak plaintif.

(6) Defendan juga membangkitkan isu bahawa perkara ini adalah satu pertikaian yang perlu dirujuk ke timbangtara. Soal rujukan kepada timbangtara bagi kes sebegini memang ada diperuntukkan dalam Malaysian Rubber Exchange (Incorporation) Act 1962 tersebut tadi, di bawah Trading Byelawsnya Byelaw 7, Part C. Namun daripada fakta-fakta kes di atas, saya berpendapat tiada apa-apa pertikaian di sini kerana bukan sahaja defendan pertama telah mengakui penerimaan susu getah berkenaan malahan mengakui amaun kontrak. Apa yang defendan pertama pertikaikan ialah kekurangan berat yang hanya bernilai RM391.55 sedangkan defendan kedua tidak sedikit pun mempertikaikannya. Jadi saya berpendapat ini bukanlah satu isu pertikaian yang substantif untuk dirujuk kepada timbangtara. Saya tertarik dengan kes *Boon & Cheah Steel Pipes Sdn Bhd v. Asia Insurance Co Ltd & Ors* [1972] 1 LNS 14 yang dirujuk oleh peguamcara plaintif berkenaan dengan "de minimis rule". Kes tersebut telah merujuk kepada satu kes Inggeris iaitu *Margaronis Navigation Agency Ltd v. Henry W Peabody & Co of London Ltd* [1965] 2 QD 430 di mana mahkamah memutuskan bahawa kargo yang menjadi isu adalah "a full and complete cargo" walaupun terdapat kekurangan 12 tan daripada 12,600 tan yang dipersetujui. Mahkamah Tinggi dalam kes *Boon & Cheah Steel Pipes* itu menyatakan seperti berikut:

> ... the *de minimis* rule is a rule of general application and its scope must not be strained till it is narrowed to a filament. It matters not that it is used as a shield or as a sword; the court must consider the substance of the matter and will not regard or give effect to something of a trivial and negligible nature.

Jadi berpandukan kepada prinsip "de minimis" itu, saya sekali lagi menekankan bahawa kekurangan 102.5 kilogram konsainan yang bernilai RM391.55 seperti yang didakwa oleh defendan

A pertama, jika benar, hanyalah merupakan 0.08571%, daripada keseluruhan konsainan yang telah ditetapkan dan ianya terlalu kecil dan remeh untuk dianggap sebagai pertikaian yang perlu dirujukkan kepada timbangtara; yang tentunya akan memakan masa yang lebih lama dan kos yang lebih tinggi.

B

(7) Akhirnya defendan pertama juga membangkitkan isu bahawa terdapat kes tuntutan yang difailkan oleh defendan pertama terhadap defendan kedua di Mahkamah Tinggi Kota Bharu dan oleh itu plaintif tidak sepatutnya membawa tindakan ini. Saya berpendapat, kes di Kota Bharu itu adalah antara defendan pertama dan defendan kedua dan tidak sepatutnya menjejaskan hak plaintif dalam kes ini.

C

[4] Berdasarkan di atas saya membenarkan saman pemula yang dibawa oleh plaintif ini terhadap defendan pertama dengan kos dan terhadap defendan kedua tanpa kos. Sebagaimana yang dipersetujui oleh defendan kedua kepada mahkamah, defendan kedua akan membayar kepada pihak yang ditentukan oleh mahkamah, dalam kes ini, berdasarkan di atas, sudah tentunya pihak plaintif.

D

E

F

G

H

I